



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

STATUS SEMASA DAN PELAN TINDAKAN KPT BERHUBUNG BANJIR MONSUN TIMUR LAUT

-
1. Susulan banjir Monsun Timur Laut, saya ingin kongsikan status semasa dan pelan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
 2. Secara amnya, KPT telah mengambil tindakan yang merangkumi penyelarasan gerakan kesukarelawanan, pembukaan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Bencana, mobilisasi aset, operasi bilik gerakan dan penyampaian pelbagai bentuk bantuan.
 3. Satu **Bilik Gerakan Banjir di peringkat KPT** telah diaktifkan bermula 18 November 2022 **yang beroperasi 24 jam sehari. Lima (5) saluran talian telefon dan satu e-mel** dibuka bagi memudahkan orang ramai mengemukakan sebarang aduan kecemasan (rujuk lampiran). Pada masa yang sama juga, Bilik Gerakan Peringkat Universiti Awam (UA) turut dibuka dan dikendalikan oleh UA masing-masing.
 4. Setakat ini, KPT telah meluluskan serta-merta peruntukan **sebanyak RM2 juta untuk tujuan penyediaan bantuan dan juga kebajikan** warga KPT, Jabatan/Agenzi di bawah KPT, universiti awam, politeknik dan kolej komuniti.
 5. Melalui Briged Sukarelawan IPT, sehingga 20 Disember 2022, seramai **7,741 sukarelawan yang terdiri daripada 726 staf dan 7,015 pelajar** dari seluruh negara telah digerakkan bagi mengedarkan bantuan kotak makanan, pakaian, wang tunai, peranti dan kit kebersihan.
 6. Pihak KPT turut menggerakkan pasukan khas bagi menawarkan **khidmat sokongan psikologi kepada para mangsa** yang terkesan.
 7. Dari segi logistik, sejumlah **61 buah bas/coaster, 38 buah SUB/4WD, 37 buah van, 17 buah lori, dan 3 buah bot** telah dilibatkan. Briged Sukarelawan IPT turut menyediakan **80 unit waterjet, 21 buah waterpump dan 15 unit generator** bagi membantu dan mempermudah kerja-kerja pemulihan di kawasan yang terkesan.
 8. Terdapat tiga (3) buah fasiliti di bawah KPT telah didaftarkan sebagai PPS, iaitu Kolej Komuniti Bentong, Pahang, Politeknik Mersing, Johor dan Politeknik Kok Lanas, Kelantan.

9. Sehingga 20 Disember 2022, **seramai 5,404** warga KPT/pelajar IPT telah terkesan. Ini merangkumi **5,268 pelajar dan 136 staf**, antaranya, daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Machang, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Politeknik Hulu Terengganu (PHT).
10. Pihak universiti, politeknik dan kolej komuniti yang terjejas telah dinasihatkan untuk **memberikan keanjalan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) sama ada secara dalam talian, mod asynchronous, hibrid atau tangguhkan PdP** mengikut tahap keseriusan bencana yang dihadapi di kawasan masing-masing.
11. Jawatankuasa Pengurusan Banjir Peringkat KPT akan terus memantau keadaan di kawasan berkenaan. Para pelajar dan kakitangan IPT yang terkesan akibat banjir dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, menjaga keselamatan diri serta mematuhi arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.
12. Saya menyeru semua pihak di seluruh negara untuk bersama-sama mendoakan agar semua warga KPT/pelajar IPT dan orang awam yang terkesan selamat dan dipermudah segala urusan mereka.

**DATO' SERI MOHAMED KHALED Nordin
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
20 DISEMBER 2022**

LAMPIRAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BILIK GERAKAN KPT

BILIK GERAKAN BANJIR KPT TELAH DIAKTIFKAN

Jika ada sebarang aduan dan kecemasan, sila hubungi nombor telefon atau e-mel yang tertera:

03-8870 6798

03- 8870 6815

03-8870 6698

03-8870 6822

03-8870 6087

aduankpt@mohe.gov.my

KPTPrihatin



MOHEOfficial



@MOHEOfficial



mohe.official